

10/05/2000

RM50,000 dikutip hari pertama

KUALA LUMPUR, Selasa - Tabung Ehsan Kemboja (TEK) bagi membantu masyarakat Islam Champa di negara itu, hari ini dilancarkan oleh Gerakan Ehsan Malaysia (GEM) bersama akhbar Berita Harian dan New Straits Times.

Tabung berkenaan yang menerima sumbangan pertama RM50,000 daripada badan korporat dan individu itu dilancarkan oleh Timbalan Menteri Luar, Datuk Leo Michael Toyad yang mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah yang juga penaung GEM, dalam ucapan yang dibacakan oleh Toyad berkata, penubuhan TEK adalah satu petunjuk bahawa Malaysia dan rakyatnya prihatin dengan nasib yang melanda jiran.

"Usaha murni GEM dan TEK ini harus digembleng secara berterusan kerana kemiskinan, kesusahan dan kedaifan bukan hanya melanda negara miskin seperti Kemboja sahaja.

"Ia juga melanda negara kaya jika rakyat dan negara itu alpa dengan kemewahan dan kesenangan," katanya sambil menambah kerajaan yang kuat, terkenal dan digeruni bukannya satu penyelesaian berpanjangan.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, pengorbanan membantu masyarakat yang daif tidak harus dibataskan oleh perbezaan ideologi, fahaman politik, pengenalan parti, agama atau kaum.

"Penderitaan masyarakat Melayu-Champa sebenarnya amat dekat di sudut hati dan perasaan kita di Malaysia.

"Kerajaan serius membawa kemasukan Kemboja menjadi anggota Asean ke-10 melalui inisiatif Malaysia yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meskipun ditentang hebat oleh negara luar," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Penasihat Editorial Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd, Datuk Mazlan Nordin; Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd (BHSD), Ahmad Rejal Arbee dan Pengarang Kumpulan New Straits Times Sdn Bhd (NSTSB), Ahmad A Talib.

Abdullah berkata, kemasukan Kemboja juga mengikat kerjasama, perpaduan dan hubungan yang utuh berikutan pendekatan Malaysia, yang tidak mahu melihat negara miskin terus ditindas oleh kuasa besar dunia.

Sementara itu, Toyad berkata penubuhan GEM akan memperkuatkan usaha dan menambah saluran rakyat negara ini menyalurkan sumbangan bagi membantu mereka yang kurang bernasib baik, bukan sahaja dalam negara malah masyarakat antarabangsa.

Katanya, penubuhan tabung seperti itu juga adalah selaras dengan konsep 'memakmurkan jiran anda' yang diutarakan Dr Mahathir untuk melihat nasib negara jiran miskin terbela.

Pengerusi TEK, Dr Norraesah Mohamad, pula berkata beberapa kegiatan dirancang bagi membantu masyarakat Islam Champa seperti menubuhkan klinik bergerak, mengagih sumbangan barangan, termasuk makanan, pakaian, ubat dan bahan bacaan, menyediakan keperluan asas seperti bekalan air bersih dan tandas serta membantu menyediakan kemudahan pendidikan.

"Sebagai permulaan, tabung ini menerima sumbangan beberapa tokoh dan warga korporat," katanya.

Antara badan korporat yang memberi sumbangan ialah KUB Malaysia Berhad, Globe Silk Store Sdn Bhd, TA Enterprise Bhd, Red Max Sdn Bhd dan Multiple Sdn Bhd.

Dr Norraesah berkata, pengagihan sumbangan dan khidmat sukarelawan akan dilakukan sendiri oleh jawatankuasa tabung itu dan sebagai usaha pertama sebuah kampung di Kemboja akan dijadikan anak angkat.

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh menyalurkan bantuan kepada Gerakan Ehsan Malaysia di alamat sementara Jabatan Perhubungan Korporat & Promosi NSTP, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 53100 Kuala Lumpur.

Untuk sumbangan melalui cek, sila tulis The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad dan di belakang cek itu, Tabung Ehsan Kemboja.

(END)